

TUJUAN

Tujuan utama PPKKTPIS, UUM ini ditubuhkan ialah untuk memberi kemudahan penjagaan yang berkualiti kepada anak – anak kakitangan /pelajar UUM dan anak – anak masyarakat setempat. Aktiviti – aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk:

- menanam nilai – nilai murni
- menerapkan nilai – nilai keagamaan
- membantu mengembangkan potensi kanak – kanak dari segi fizikal, intelek, sosial, emosi dan rohani, dan;
- memberi pendedahan asas Bahasa Inggeris

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang disediakan:

- A) Sepenuh masa (7.30 pagi – 5.30 ptg)
 - Penjagaan bayi di bawah 1 tahun
 - Asuhan kanak – kanak di antara 1 hingga bawah 4 tahun
 - Didikan kanak – kanak di antara 4 hingga 6 tahun
- B) Separuh hari (8.00 pagi - 2.00 ptg.)
 - Didikan kanak – kanak di antara 5 hingga 6 tahun
- C) Pra-Sekolah (8.00 pagi – 12.00 tgh)
 - Pengajaran untuk kanak - kanak berusia 5 dan 6 tahun sahaja
- D) Penjagaan Lepas Sekolah ('After School') (1.00 tgh. – 5.30 ptg.)
 - Kanak – kanak 7 – 12 tahun
- E) Kelas Fardu Ain (KAFA) (2.00 ptg. – 5.00 ptg.)
Hari Rabu dan Khamis
 - Kanak-kanak 4 – 12 tahun

NISBAH GURU/PEMBANTU GURU/PENGASUH DENGAN ANAK-ANAK

- Guru – guru, Pembantu Guru dan Pengasuh adalah berlatih
- Nisbah Guru/Pembantu Guru/Pengasuh dengan kanak – kanak adalah berdasarkan penetapan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Negeri.
- Nisbah tersebut adalah seperti berikut :

➤ TASKA

Bagi kanak-kanak yang berumur:

< 1 tahun	1 : 4
≥ 1 < 2 tahun	1 : 5
≥ 2 < 3 tahun	1 : 7

➤ TADIKA

Bagi kanak-kanak yang berumur:

≥ 4 < 6 tahun	1 : 14
---------------	--------

➤ AFTER SCHOOL

Bagi kanak-kanak yang berumur:

≥ 7 < 12 tahun	1 : 20
----------------	--------

MASA OPERASI

Ahad – Rabu	: 7.30 pagi – 5.30 petang
Khamis	: 7.30 pagi – 4.00 petang

PPKKTPIS, UUM tidak beroperasi pada hari Jumaat, Sabtu dan hari-hari kelepasan am.

MAKANAN DAN MINUMAN

- Makanan dan minuman disediakan iaitu sarapan pagi, makan tengahari dan minum petang
- Untuk anak – anak yang minum susu botol, botol susu dan susu hendaklah disediakan oleh keluarga masing-masing. Ibu – ibu digalakkan datang untuk menyusun anak – anak mereka
- Bagi bayi berumur 1 tahun ke bawah, bubur nasi disediakan.

PAKAIAN DAN PERALATAN

- Keperluan-keperluan lain seperti pakaian sekurang-kurangnya dua (2) pasang, tuala dan pampes (3 unit) perlu disediakan bagi anak-anak berumur 3 tahun ke bawah.
- Bagi yang berumur 3 tahun ke atas, pakaian yang mencukupi, tuala, berus gigi dan ubat gigi
- Kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas perlu membawa telekung/songkok.
- Kanak-kanak di Pusat ini wajib memakai kasut. Pemakaian selipar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- Kanak-kanak berumur 4 – 6 tahun perlu memakai pakaian seragam sepanjang masa semasa berada di Pusat.
- Kanak-kanak ini digalakkan mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) pasang pakaian seragam pusat yang boleh dibeli daripada pejabat Pusat ini.

MAKLUMAT UMUM

- Ibubapa/penjaga adalah dipohon agar memaklumkan sebarang penyakit atau masalah lain seperti alergi dan sebagainya mengenai anak-anak masing-masing kepada pihak pengurusan supaya langkah-langkah yang bersesuaian dapat diambil.
- Ibubapa juga dipohon meninggalkan no. telefon pejabat atau no. tel. bimbit bagi tujuan dihubungi sekiranya berlaku kecemasan kepada anak-anak masing-masing.
- Ibubapa hendaklah memastikan anak-anak dalam keadaan bersih dan kemas semasa dihantar ke pusat ini.
- Semua ibubapa/penjaga digalakkan memberi maklumbalas dan cadangan-cadangan bagi tujuan penambahbaikan kepada Pusat ini.